

## Tajuk Kertas Kerja

### **Alam Sekitar, Kontroversi Awam dan Teori Artikulasi: Satu Analisis Kontroversi Projek Hidro Bakun.<sup>1</sup>**

Oleh

Prof. Madya Dr. Adnan Hussein (Universiti Sains Malaysia)  
Kamaliah Hj. Siarap (Universiti Sains Malaysia)

#### *Abstrak*

Projek Hidro Elektrik Bakun, Sarawak yang dimulakan pada tahun 1996, telah menarik minat pelbagai pihak sama ada dari dalam atau luar negara sehingga ianya menjadi satu kontroversi awam yang menarik untuk dianalisis. Projek yang melibatkan kewangan yang begitu besar (pada awalnya anggaran perbelanjaan adalah RM7 bilion) sudah semestinya menarik pelbagai pihak sama ada individu, pertubuhan bukan-kerajaan (NGO), pihak swasta dan korporat, pemimpin politik, dan sebagainya untuk turut serta memberi pandangan, sama pro atau menentang projek tersebut.

Kertas kerja ini cuba menghuraikan perdebatan mengenai isu dan kepentingan awam, khusus mengenai Projek Hidro Bakun dengan melihat bagaimana pihak berkuasa dan publik (individu, kumpulan dan organisasi) mengartikulasi pendirian dan pandangan mereka dengan membanding bentuk-bentuk argumen, nilai yang diketengahkan, ideologi yang mendasari hujah mereka dan saluran yang digunakan.

Dengan mengambil kira suasana media massa yang terkonkong di Malaysia untuk membincang isu-isu awam secara bebas dan terbuka, kertas kerja ini bukan hanya meneliti wacana melalui media aliran utama, malahan juga meneliti perbincangan melalui saluran-saluran alternatif dan arena awam (public arenas) termasuk Internet, forum awam dan seminar.

Menggunakan teori artikulasi yang diutarakan oleh Stuart Hall (1988), kertas kerja ini akan menghuraikan kuasa ideologikal (ideological forces) yang memperkasakan satu-satu pandangan yang diutarakan oleh kedua-dua pihak, sama ada yang menyokong atau menentang Projek Hidro Bakun.

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini adalah berasaskan bahagian awal laporan penyelidikan dibawah geran penyelidikan jangka pendek USM bertajuk 'Artikulasi Kontroversi Awam: Satu Kajian Kes Ke Atas Kontroversi Projek Hidro Bakun.

## **Pengenalan**

Kajian mengenai komunikasi alam sekitar dikatakan mula mendapat tempat di kalangan sarjana komunikasi bermula sekitar awal tahun 1970an (Reis, 1999). Kajian oleh Rubin and Sachs (1971) merupakan kajian pertama yang cuba menganalisa apa yang mereka namakan sebagai 'ledakan informasi alam sekitar' (the environmental information explosion', yang bermula pada pertengahan 1969. Ramai sarjana kemudian bersetuju bahawa akhir dekad 1960an adalah era dimana media 'menemui' alam sekitar (lihat misalnya Schoenfeld, Meier and Griffin, 1979). Malahan, masyarakat dunia baru menyedari dan menerima alam sekitar sebagai satu masalah sosial disekitar tahun 1960an (lihat Hansen, 1993).

Kertas kerja ini mempunyai objektif serampang dua mata: Pertama memahami komunikasi alam sekitar, satu bidang yang belum mendapat perhatian di kalangan sarjana tempatan, dan kedua, memahami kontroversi awam (*public controversy*) di Malaysia.

Bagi menganalisa perdebatan dan artikulasi mengenai kontroversi Projek Hidro Bakun, kajian ini tidak hanya bergantung atau terhad kepada media massa semata-mata. Masalah ini jelas, dalam suasana kebebasan media yang terbatas seperti di Malaysia, apa sahaja pandangan yang tidak sealiran dengan pandangan pihak pemerintah, mengenai apa saja isu, termasuk isu alam sekitar yang kontroversi seperti Projek Hidro Bakun tidak diberikan tidak akan mendapat tempat yang sewajarnya. Dalam erti kata lain, banyak pihak yang ingin turut serta di dalam perdebatan sesuatu isu tidak akan mendapat akses di dalam media massa arus perdana. Media massa menurut Chapman et al. (1997);

*Knowledge about the environment, particularly general public knowledge about distant places, is articulated and circulated by many routes, but one set of routes, known collectively as mass media, has drawn increasing attention in modern society; it is perceived to be very influential and yet it is difficult to see how it can maintain objectivity. This is because, at the very least, the channels of communication have finite and therefore limited capacity, and have to be selective in terms of the information conveyed (ms, xv).*

Skop kertas kerja ini tertumpu kepada perbincangan mengenai perspektif-perspektif perdebatan, tema serta hujah (argumen) yang dikemukakan oleh setiap kumpulan sosial atau gerakan yang terlibat.

Kertas kerja ini diharap akan memberikan sumbangan awal mengenai komunikasi alam sekitar di Malaysia. Dengan menggunakan teori artikulasi kajian ini cuba melihat bagaimana pihak yang berminat mengambil bahagian di dalam kontroversi tersebut. Kajian ini juga merupakan percubaan awal untuk menilai pandangan dan ideologi setiap pihak yang terlibat dengan perdebatan mengenai isu alam sekitar, khususnya Projek Hidro Bakun.

Kajian ini tidak bertujuan untuk melihat hujah mana yang paling banyak (kuantifikasi) disiarkan atau mendapat perhatian, tetapi melihat perdebatan mengenai isu Bakun sebagai satu persaingan ideologi bagi kumpulan-kumpulan yang terlibat. Kajian ini lebih berminat untuk melihat bagaimana pihak yang berminat melibatkan diri menyalurkan hujah dan pandangan mereka. Menggunakan Teori Artikulasi, kajian ini cuba menilai apakah ideologi disebalik sesuatu hujah. Disamping itu, kajian ini berminat untuk meneliti siapakah pihak-pihak yang berminat, dan apakah saluran yang digunakan untuk menyampaikan pandangan mereka.

Kontroversi Projek Hidro Bakun dipilih kerana kontroversi berlarutan begitu lama,

sejak 1996 sehingga kini masih menjadi isu yang menarik minat ramai, sebuah projek mega yang mempunyai implikasi kewangan yang besar, melibatkan alam sekitar dan dijangka memberi kesan sosio-budaya kepada rakyat, khusus komuniti tempatan yang bukannya sedikit. Kontroversi Bakun juga mempunyai pelbagai dimensi - ekonomi, politik, sosial dan perundangan. Ianya bukan hanya menarik perhatian rakyat tempatan malahan juga orang asing dan pelbagai pihak dari negara luar.

Pengkaji telah menganalisa laporan media aliran utama dan media alternatif, khususnya Internet sejak bermulanya Projek Bakun pada tahun 1986 hingga 2002. Ini termasuk laporan berita, rencana pengarang, rencana umum dan surat pembaca bagi akhbar Berita Harian, The New Straits Times, Majalah Aliran, Far Eastern Economic Review (FEER), Asiaweek serta pelbagai sumber dari Internet. Kajian yang dijalankan cuba sedaya mungkin (*exhaust*) untuk mendapat kesemua bahan-bahan dan laporan untuk dianalisa.

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil kajian mengenai wacana alam sekitar dengan melihat kepada kes Projek Hidro Bakun. Ada dua aspek umum yang ingin dikaji oleh para pengkaji; pertama media dan isu Bakun, dan kedua mengenai wacana mengenai Bakun dan alam sekitar. Tahap kedua kajian ingin melihat perdebatan mengenai isu kontroversi dengan melihat Bakun sebagai kajian kes. Menyedari hakikat bahawa media aliran utama di Malaysia tidak bebas melapor dan membincangkan isu-isu kontroversi, kajian ini juga mengambil kira forum lain yang mungkin digunakan oleh pelbagai kumpulan yang ingin mempengaruhi dasar mengenai alam sekitar. Ini termasuk media alternatif, forum atau seminar, dan temubual dengan kumpulan NGO.

### **Latar Belakang Projek Hidroelektrik Bakun**

Projek Hidro Elektrik Bakun yang terletak di Sarawak diluluskan oleh kerajaan Persekutuan pada tahun 1986. Kajian feasibiliti mula dijalankan pada tahun 1981 oleh konsortium SAMA bagi pihak German Agency of Technology Co-operation (GTE) (Aliran). Idea untuk membina empangan di Sungai Rajang dikatakan bermula Pada asalnya projek tersebut dianggarkan menelan belanja sebanyak RM13.6 bilion, meliputi kawasan seluas 69000 hektar kawasan hutan tropika serta melibatkan penempatan semula hampir 10,000 orang penduduk sekitarnya. Projek Hidroelektrik Bakun dijangka akan menjana tenaga elektrik 2400 megawatt (MW).

Namun demikian, pada tahun 1990 kerajaan persekutuan memutuskan untuk memberhentikan sementara projek tersebut dikatakan akibat daripada beberapa masalah, khususnya protes dari pelbagai pihak serta masalah kewangan dan ekonomi yang melanda negara. Namun demikian, pada tahun 1993 kerajaan persekutuan mengubah pendirian untuk meneruskan projek tersebut dengan anggaran belanja RM7 bilion.

Pada tahun 1994, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk memberikan Projek Bakun kepada Ekran Berhad, sebuah firma dari Sarawak.

Pada tahun 1995, tiga rakyat tempatan Sarawak yang terlibat secara langsung dengan Projek Bakun menfail petisyen kepada Mahkamah Tinggi bahawa Kerajaan Sarawak gagal mengikut prosedur mengenai alam sekitar dalam menjalankan kajian EIA

(Environmental Impact Assessment). Hasil dari petisyen tersebut, pada Jun 1996 Mahkamah Tinggi mengisytiharkan projek tersebut sebagai tidak sah. Namun, pada tahun 1997, Mahkamah Rayuan membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut dengan alasan bahawa Sarawak tidak terikat dengan akta Alam Sekitar kerana mempunyai peraturan alam sekitarnya sendiri.

Pada tahun 1997, perselisihan berlaku antara Ekran Berhad, syarikat utama yang mengurus projek Bakun dengan kontraktor utama ABB, sebuah konglomerat dari Sweden, kontraktor utama. Lanjutan daripada masalah tersebut, kerajaan Persekutuan telah mengumumkan untuk mengambilalih projek tersebut. Sekali lagi projek tersebut terpaksa ditangguhkan.

Pada tahun 1999, Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa Projek Bakun akan diteruskan, tetapi pada skala yang lebih kecil yang hanya mengeluarkan 500 megawatt (MW). Namun demikian, ketetapan ini diubah sekali lagi pada tahun 2001, dimana Projek Bakun akan kembali kepada skala asal, iaitu sebanyak 2400 MW tetapi rancangan untuk membina saluran elektrik dasar laut telah digugurkan.

Kini, projek ini sedang dilaksanakan secara usahasama oleh Malaysia-China Hydro Joint Venture (MCHJV), sebuah gabungan diantara syarikat tempatan, Sime Darby, Malaysia dan dari China, China National Water Resources and Hydropower Engineering Corp. (CHWRH).

## **Komunikasi Alam Sekitar, Kontroversi Awam dan Teori Artikulasi**

Persoalan mengenai media dan alam sekitar mula mendapat perhatian sejak tahun 1960an. Namun, perhatian yang diberikan oleh sarjana komunikasi mengenai isu media dan alam sekitar melalui tren 'turun-naik' mengikut suasana. Perhatian terhadap alam sekitar dikatakan bermula pada sekitar tahun 1960an dan seterusnya menjadi bertambah pesat sekitar tahun 1970an tetapi mula pudar menjelang tahun 1980 (Hansen, 1993).

Menurut Depoe(1997) perhatian terhadap media dan alam sekitar memuncak pada tahun 1996, suatu tren yang mencerminkan peningkatan kepentingan sosial dan budaya mengenai isu-isu alam sekitar (Depoe, 1997).

Kajian komunikasi alam sekitar dikatakan dipelopori oleh beberapa sarjana yang menggunakan beberapa perspektif termasuk kritikan retorikal (seperti Oravec, 1981, 1982, 1984; Peterson, 1986, 1990, 1991; Lange, 1990), komunikasi keorganisasian (seperti Bullis & Tompkin, 1989); penyelidikan kognitif sosial dan individu (seperti Cantrill, 1992); perhubungan awam (Grunig, 1989); komunikasi risiko (seperti Renz, 1992), dan kajian media (seperti Greenberg et al., 1989).

Bermula di Salt Lake City pada tahun 1991, satu siri persidangan setiap dua tahun mengenai komunikasi dan alam sekitar menghasilkan penerbitan prosiding (misalnya Oravec & Cantrill, 1992; Cantrill & Killingworth, 1994; Sachsman, et al., 1996) dan mencetuskan minat di kalangan sarjana mengenai persoalan tersebut.

Banyak kajian mengenai komunikasi alam sekitar maupun kontroversi melihat dari perspektif penentuan agenda (*agenda setting*). Misalnya kajian oleh Anderson (1993), Cracknell (1993), Hansen (1993) dan Friedman (1991). Berdasarkan pengalaman Ivor Gaber (dalam Chapman et al, 1997), ahli politik dan bukannya kelas politik (seperti pegawai kanan kerajaan, penglobi dan penasihat media, yang memainkan peranan utama dalam menentukan agenda media, agenda publik dan seterusnya agenda negara. Cracknell (1993) menggunakan perspektif penentuan melihat bagaimana kumpulan pendesak (*pressure group*) dan kumpulan perkhidmatan masing-masing cuba mempengaruhi media bagi menentukan agenda mengenai alam sekitar.

Isu alam sekitar adalah amat kompleks, sebab itu ianya sering menimbulkan kontroversi. Misalnya Sue English daripada Channel 4 News, UK menjelaskan (dalam Chapman et al., 1997);

*On the face of it, it was a simple case of nailing the company for the damage they were doing to the river. However, when we looked a little deeper we discovered that the pollution was being caused because the factory was using yarn imported from India which contained a high concentration of pesticides and it was the washing of this yarn that was causing the pollution. So who do we point the finger at? The factory which was trying to maximize profits and keep employing workers in a town with a high unemployment level? The Indian farmers who were trying to work their poor quality soil as effectively as possible? Or the conservationists who were putting the state of a local river above the welfare of the workers in Kidderminster and the farmers in India?*

Pertentangan kadang kala bukan di antara pihak berkuasa dengan kumpulan alam sekitar tetapi kadang kala sesama kumpulan alam sekitar melihat dari perspektif yang berbeza berdasarkan kepentingan masing-masing. Wujudnya juga kontradiksi yang bersifat intra-kelas.

Isu alam sekitar adalah kompleks kerana ianya bersifat saintifik dan wartawan perlu memahami asas sains di dalam perdebatan tersebut sebelum dapat melaporkannya. Juga, isu alam sekitar dikatakan berkembang agak perlahan (*tend to move at a glacial pace*) dan sepertimana disebut oleh Gans (1979) sesuatu yang tidak mengikut 'time-frame' harian sukar untuk menjadi berita.

Sepertimana yang dibuktikan oleh Cottle (1993);

*...news coverage of the environment is not merely a question of provision of environmental 'information' but that it works also deeper cultural level which engages deep-seated popular beliefs about nature and the environment.*

Dalam persekitaran media yang lebih bebas, persoalan yang timbul mengenai komunikasi alam sekitar ialah sama ada laporan alam sekitar 'worth the cost'. Pihak media sering berdepan dengan persoalan kos untuk membuat laporan sesuatu isu alam sekitar dan sama ada ianya *berbaloi*.

### *Teori Artikulasi*

Teori Artikulasi dicetuskan oleh Stuart Hall (1986) dalam huraian mengenai ideologi dan wacana awam (*public discourse*). Menurut Hall (1986);

*The theory of articulation is both a way of understanding how ideological elements come, under certain conditions, to cohere together within a discourse, and a way of asking how they do or do not become articulated, at specific conjunctures, to certain political subjects (ms. 53).*

Teori Artikulasi melihat kepada hubungan kuasa dan dominasi dalam menentukan

penyaluran sesuatu ideologi di dalam sesuatu wacana awam.

Menurut Hanczor (1997) berdasarkan definisi atas, teori artikulasi mengandung dua komponen. Pada satu paras, artikulasi melibatkan pengaliran kuasa ideologikal (ideological forces) seperti kapitalisme, nasionalisme, patriarki, heretoseksualisme, demokrasi dan teknologi yang muncul daripada wacana yang umum dan menghadkan potensi individu dan kumpulan yang terlibat untuk membina makna dan membantu gerakan sosial. Pada paras kedua, teori artikulasi menghuraikan kuasa-kuasa ideologikal menjadi "*imbricated with interests and activities of social group*" (Grossberg, 1992, ms. 123).

Bagi Hanczor (1997), artikulasi perlu mengambilkira hubungan yang lahir antara kumpulan sosial dan ideologi, and menilai kepentingan hubungan tersebut dalam konteks sejarah tertentu.

Hall (1986) bagaimanapun memberi amaran bahawa artikulasi diantara satu-satu kumpulan sosial atau gerakan dan satu-satu ideologi yang membentuk satu sistem sosio-politik dan seterusnya satu subjek sosial dan politik yang baru, ada sesuatu hubungan yang tidak perlu (non-necessary).

Menurut Makus dengan memahami istilah dan logik di dalam wacana awam dalam konteks persekitaran sejarah, pengkaji akan memahami bagai kesedaran (consciousness) dihasilkan. Oleh itu Hall bukan sahaja melihat kepada hubungan kuasa dan dominasi tetapi beliau juga membina pengertian secara halus mengenai penghasilan kesedaran. Melalui idea beliau mengenai artikulasi Makus merumuskan

bahawa "*Hall's critical theory of ideology provides a systematic and comprehensive method for the analysis of discourse in interaction with social practices and structures.*"

Hall merujuk konsep artikulasi kepada;

*"...the complex set of historical practices by which we struggle to produce identity or structural unity out of, on top of, complexity, difference, contradiction. Basically it refers to how individuals relate themselves to their social contexts and histories. While we are all in some sense the repositories of past practices, through our actions we 'articulate', bridge and connect ourselves to practices and contexts in ways that are new to us. In other terms, we continually shuttle between practices and meanings that are already constituted and 'the real conditions' in which we find ourselves. (di petik dalam Grossberg).*

Secara ringkasnya, Teori Artikulasi menekankan komunikasi sebagai ..."*struggle to articulate and rearticulate meanings and relations of power.*" (Probyn).

Di dalam kajian mengenai kontroversi Bakun, Teori Artikulasi diaplikasikan bagi melihat perjuangan (*struggle*) diantara kumpulan-kumpulan yang terlibat di dalam perdebatan dan bagaimana sesuatu ideologi diartikulasi untuk memberikan makna yang mudah difahamim oleh orang awam. Ideologi yang mendasari sesuatu hujah (*argument*) hanya akan dapat dikesani dengan melihat perspektif-perspektif sesuatu hujah itu diketengahkan.

### **Metodologi**

Bagi memahami perdebatan dan kontroversi isu Bakun, pengkaji telah menganalisa laporan-laporan dan dokumen awam yang diterbitkan sejak tahun 1986 hingga 2002, sama ada yang diterbitkan melalui media massa termasuk akhbar **The New Straits**

**Times, Berita Harian** (termasuk edisi Sabah/Sarawak), **Nanyang Siang Pau, Majalah Aliran, Asiaweek, Far Easter Economic Review (FEER)**, serta sumber-sumber dari Internet. Pemilihan bahan untuk dianalisis dibuat atas dasar `availability` dan `accessibility`. Oleh kerana kajian ini bukan bersifat kuantitatif yang cuba membuat rumusan berdasarkan sampel yang representatif, maka teknik pengutipan data yang digunakan tidak seharusnya menimbulkan masalah dari segi kesahihan analisis.

Berdasarkan kandungan laporan, pengkaji menganalisis perspektif sesuatu laporan, aktor yang terlibat sama ada pemimpin politik kerajaan, pemimpin politik pembangkang, pemimpin politik negara luar, pegawai kerajaan atau pentadbir, kumpulan-kumpulan pendesak (*pressure group*) dan *Ad hoc*, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sama ada dalam luar negara, pihak media, atau individu yang mengambil bahagian di dalam perdebatan mengenai isu Bakun.

### **Analisis Perspektif-Perspektif dan Kuasa Ideologikal Di Dalam Kontroversi Bakun**

Perspektif dan hujah dalam kontroversi Bakun akan disusun ke dalam dua kategori: Perspektif pencadang dan penyokong Projek Hidro Bakun (atau secara ringkas dikenali sebagai Pro-Bakun) dan perspektif penentang Projek Hidro Bakun (secara ringkas dikenali sebagai Anti-Bakun). Pengkategorian ini dilakukan berdasarkan analisis setiap laporan yang diperolehi sama ada media aliran utama, alternatif dan Internet. Apa yang dapat diperhatikan nanti ialah perspektif akan dinamakan, kumpulan, institusi/organisasi yang diwakili di dalam perspektif akan dikenalpasti,

dan kuasa ideologi sosial yang memperkasakan kuasa tersebut akan dinilai.

Namun demikian, di dalam kertas kerja ini tumpuan perbincangan hanya akan diberikan perspektif dan kuasa ideologikal kumpulan anti-Bakun.

### **Penentangan Terhadap Hidro Elektrik Bakun**

Para penentang projek Hidro Bakun menghasilkan tiga perspektif; Projek Bakun memberi kesan negatif terhadap alam sekitar, hak rakyat dan pembaziran ekonomi. Disamping itu terdapat juga perspektif sampingan seperti feminisme yang disorot untuk menarik secara khusus golongan wanita ke dalam perdebatan ini, kedaulatan undang-undang, khusus apabila keputusan mahkamah menyebelahi kumpulan anti-Bakun.

#### *Hak Rakyat*

Perspektif hak rakyat merupakan perspektif yang utama yang digunakan oleh kumpulan anti-Bakun. Malahan hampir setiap laporan mengenai Bakun daripada kumpulan anti-Bakun akan menyentuh soal hak masyarakat setempat yang tinggal di sekitar daerah Belaga. Kepentingan kaum asli Kenyah, Keyan, Penan dan lain-lain yang terpaksa dipindahkan ke kawasan lain menjadi isu utama dalam mengenengahkan perspektif hak rakyat untuk menjelaskan bahawa kepentingan kaum-kaum ini telah terjejas akibat daripada Bakun. Penempatan semula kaum-kaum yang dibuat bukan atas dasar sukarela, tetapi paksaan, walaupun diberikan pampasan.

Menurut Aliran, *“The people’s right to be consulted before a decision is made to*

*implement a project affecting them is a fundamental right entrenched within our system of natural justice.*" (Aliran Monthly, Jan/Feb. 1986: 19).

Kenyataan di atas memberi gambaran jelas mengenai perspektif hak rakyat yang digunakan oleh NGO untuk membantah projek Bakun.

Ringkasnya, isu kesan negatif terhadap alam sekitar dan kehidupan masyarakat setempat, telah menarik pertubuhan NGO dalam dan luar negara, individu yang menggunakan kuasa ideologikal yang berteraskan demokrasi dan hak asasi manusia.

#### *Kesan Negatif Terhadap Alam Sekitar*

Isu utama dan asas (fundamental) penentangan terhadap Bakun berkaitan dengan kemusnahan alam sekitar. Memandang Projek Bakun mempunyai kaitan secara langsung dengan alam sekitar, sudah semestinya pokok perdebatan adalah mengenai kesan negatif terhadap alam sekitar. Isu alam sekitar banyak dibangkitkan oleh kumpulan NGO seperti International Rivers Network (IRN), Aliran, Sahabat Alam Malaysia (SAM), parti politik pembangkang dan individu. Perspektif ini juga berkaitan dengan persoalan kesejahteraan anda keselamatan orang ramai. Persoalan mengenai penempatan semula, banjir, tanah runtuh, keselamatan menyalurkan elektrik menggunakan kabel dasar laut melintas Laut China Selatan banyak diutarakan sama ada di dalam laporan kajian, media alternatif, forum awam dan sebagainya. Laporan yang buat oleh International Rivers Network, sebuah kumpulan NGO yang memperjuangkan Hak Asasi Manusia dan Alam Sekitar, menyebut bahawa Projek Bakun mempunyai impak yang serius terhadap ekosistem hutan tropika.

Sebuah gabungan NGO yang menentang Bakun yang dikenali sebagai Coalition of Concerned NGOs Against Bakun (CCNAB) memberikan fakta-fakta berkaitan dengan kesan Bakun ke atas alam sekitar.

*Pembaziran Ekonomi (economic boondoggle)*

Projek Bakun dikatakan tidak diasaskan kepada prinsip ekonomi yang asas iaitu permintaan. Projek ini dirasakan tidak perlu kerana bekalan tenaga elektrik lebih dari mencukupi. Projek ini hanya sebagai prestij sepertimana projek-projek berprestij sebelum ini seperti Menara Berkembar Petronas dan Projek Kereta Nasional.

Menurut CCNAB *“The rationale behind the project is fundamentally flawed: with its maximum capacity of 2400 MW, a consumption base of will have to be artificially created. This is against the principle of sustainable development, which prioritize demand management dan full-scale studies of alternatives.*

SUARAM, dalam kenyataannya pula menyebut, *“The manner in which the Bakun dam has been justified - from the original 2400 MW with submarine cable to West Malaysia, to a downscaled 500 MW dam, now back to 2400 MW without submarine cable - smacks of very irresponsible policy making.... Almost certainly, no serious attempt has been made to justify the projects in terms of need and supply.”*

Anggaran kos RM 8.185 bilion mengikut kos Feb.1983, tidak mengambil kira faedah semasa pembinaan. Aliran membangkitkan soal hutang negara yang semakin bertambah melebihi had yang dibenarkan oleh Bank Dunia.

Pembelanjaan yang besar untuk membiayai Bakun akan menyebabkan hutang bertambah, manakala peruntukan untuk sektor lain, khususnya pendidikan akan berkurangan (**Aliran Monthly**, Mei/Jun 1986).

Ini boleh dilihat sebagai tenaga ideologi yang menentang penswastaan yang diamalkan di Malaysia. Projek-projek penswastaan sering mengabaikan kebajikan rakyat tetapi sebaliknya menjaga kepentingan elit ekonomi dan elit pemerintah.

Dari sudut atau perspektif ekonomi, penentang berhujah bawah projek hanya sebagai projek mewah, sepertimana yang diakui oleh penganalisis ekonomi, Chew Ping, Assoc. Director of Standard and Poor's Rating Services "*...more about prestige than having greater returns on investment*" dan ada yang menyifatkan Bakun sebagai *gajah putih*.

Isu mengenai siapa yang sebenarnya mendapat manfaat daripada projek ini juga sering dihujahkan oleh kumpulan anti-Bakun. Hanya segelintik rakyat yang terima manfaat. Rakyat tempatan tidak mendapat manfaat secara langsung.

Kemungkinan penglibatan Tenaga Nasional di dalam Projek Bakun juga menimbulkan kontroversi dari sudut ekonomi. Misalnya di dalam satu artikel, Aliran meramalkan Projek akan gagal sepertimana projek-projek penswastaan yang lain sebelum ini dan kali ini Tenaga Nasional *dipaksa* untuk turut membiayai Projek Bakun. Menurut artikel tersebut yang jelas menekan kepada kegagalan dasar penswastaan yang bertajuk "Privatisation Gone Wrong", Aliran mencadangkan;

*Tenaga should be left free to purchase electricity from independent producers only if it is cheaper than generating the electricity itself. The indications, however, are that Tenaga will eventually be made to pay Bakun Power a higher rate than its own cost of generation. The government will then be, once again, violating the conditions for a successful privatisation... (Aliran Monthly, 1996, 16 [3]:35)*

### *Kedaulatan Undang-undang*

Perspektif mengenai kedaulatan, dilihat sebagai perspektif sampingan kerana ianya muncul untuk seketika. Ianya dicipta dan digunakan oleh kumpulan anti-Bakun apabila Mahkamah Tinggi mengistiharkan Projek Bakun dibatalkan kerana tidak mengikut prosidur seperti yang ditetapkan dibawah Akta Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Act [EQA], 1974). Aliran menyifatkan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut sebagai 'landmark judgement'. Mahkamah Tinggi melihat kegagalan Kerajaan Sarawak dan pihak-pihak yang terbabit di dalam Projek Bakun mematuhi Akta EQA sebagai satu ketidakadilan terhadap penduduk tempatan yang tidak diberi peluang untuk memberikan pandangan. Perspektif ini kedaulatan undang-undang menjadi asas kepada ideologi demokrasi. Tajuk artikel di dalam **Aliran Monthly** (1996, 16[15]:11) "*Remarkable Courage. Justice James Foong lives up to democratic expectation*" jelas melahirkan ideologi demokrasi oleh kumpulan anti-Bakun. Bagi kumpulan anti-Bakun, keputusan Mahkamah Tinggi perlu dihormati oleh semua pihak.

### *Feminisme*

Perspektif feminisme tidak begitu ketara di dalam perdebatan mengenai isu alam sekitar. Ianya dibangkitkan oleh kumpulan anti-Bakun untuk memberi dimensi baru mengenai kesan alam sekitar. Misalnya Aliran melalui artikelnya bertajuk “Bakun dan Its Impact on Women” (**Aliran Monthly**, 1996, 16 [2]: 20) melihat bagaimana Bakun memberikan kesan negatif ke atas wanita dari segi sumber makanan, stres akibat daripada pemindahan ke kawasan baru, hilang kuasa pemilikan ke atas tanah tradisi dan sumber alam yang lain. Namun, perspektif ini tidak dapat berdiri dengan sendiri tetapi perlu sokongan daripada perspektif hak rakyat yang dibincangkan sebelum ini. Adalah menjadi kelaziman bagi pihak-pihak yang terlibat di dalam perdebatan awam untuk menggunakan perspektif wanita (dan kanak-kanak). Dalam hal ini, ideologi yang berteraskan feminisme tidak begitu menarik perhatian walaupun di kalangan anti-Bakun.

## Rumusan

Kontroversi Projek Hidro Bakun sebagai satu kontroversi awam memberikan beberapa aspek menarik untuk diteliti secara ilmiah. Projek *pembangunan* yang melibatkan perbelanjaan yang besar dan memberi implikasi ekonomi, politik, sosio-budaya yang luas kepada masyarakat sudah pasti menimbulkan kontroversi yang hebat. Dari segi jangkamasa, kontroversi mengenai Bakun telah berlanjutan hampir dua dekad boleh disifatkan sebagai kontroversi awam yang paling lama berbanding dengan isu-isu kontroversi yang lain dan melibatkan banyak pihak. Hal ini berlaku disebabkan dimensi projek itu sendiri yang bersifat *mega* dan melalui fasa-fasa yang berliku-liku. Jikapun kerana kontroversi yang lahir, projek tersebut berkemungkinan besar melalui proses yang berliku hatta jumlah wang yang terlibat. Masalah ekonomi negara dan rantau Asia Tenggara sudah pasti akan memberi kesan keatas pelaksanaan projek tersebut.

Dari sudut akademik, khususnya dalam bidang komunikasi, Bakun mempunyai beberapa signifikan untuk dijadikan bahan kes. Pertama, wacana alam sekitar yang mula mendapat perhatian di kalangan sarjana komunikasi dan perkembangan sub-bidang komunikasi, yakni komunikasi alam sekitar (*environmental communication*). Kedua, dari segi teori komunikasi berkaitan dengan perdebatan dan kontroversi awam. Pelbagai pendekatan teoritis yang ada yang cuba memahami bagaimana sesuatu ideologi dapat tersebar meresap dan diterima sebagai ideologi sesebuah negara. Perspektif penentuan agenda, ekonomi politik, analisis retorik, hegemoni dan artikulasi masing-masing cuba menghuraikan fenomena mengenai pembinaan dan peresapan ideologi dalam sesebuah masyarakat.

Berlandaskan Teori Artikulasi yang dikemukakan oleh Stuart Hall (1986), kertas kerja ini telah menggaris perspektif-perspektif yang dibentuk, digunakan dan diujahkan oleh kedua-dua kumpulan pro-Bakun dan anti-Bakun. Setiap kumpulan yang terlibat sudah pasti membuat perhitungan mengenai perspektif yang ingin mereka dokongi. Dari perspektif tersebut, kita dapat memahami ideologi yang mendasari sesuatu perspektif.

Di bahagian kedua kajian ini yang akan melihat kepada tenaga ideologikal yang mendasari perspektif golongan pro-Bakun dan seterusnya melihat bagaimana pertentangan diantara kedua-dua tenaga ideologikal untuk mendominasi antara satu sama lain.

## Bibliografi

Hansen, A. (1993). **The Mass Media and Environmental Issues**. Leceister: Leceister University Press.

Bell, A. and Garrett, P. (eds.) (1998). **Approaches to Media Discourse**. Oxford: Blackwell Publishers.

Chapman, G., Kuman, K. Fraser, C. & Gaber, I. (1997). **Environmentalism and the Mass Media. The North-South Divide**. London: Routledge.

Herman, E.S. & Chomsky, N. (2002). **Manufacturing Consent. The Political Economy of the Mass Media**. New York: Pantheon Books.

Depoe, S. (1997). *Environmental Studies in Mass Communication*. **Critical Studies in Mass Communication**. 14, 367-379.

Hall, S. (1982). The rediscovery of "ideology": Return of the repressed in media studies. In Gurevitch (Ed.), *Culture, Society and the Media*. New York: Methuen.

Hall, S. (1986). On postmodernism and articulation: An interview with Stuart Hall. *Journal of Communication Inquiry*, 10(2), 45-60.

Probyn, Elspeth *Indigestion of Identities*  
<http://www.media-culture.org.au/9910/indigestion5.html>

Reis, R. (1999). Environmental News. Coverage of the Earth Summit by Brazilian Newspaper. **Science Communication**. Vol. 21, No.2. pp. 137-155.

Schoenfeld, A. C. R., Meier, R. F. and Griffin, R. J. (1979). Constructing a social Problem: The press and the environment. **Social Problems**. 27. pp. 38-61